

26 SEP, 2021

# Pelombong Cina popularkan limau Tambun

Berita Harian Ahad, Malaysia



Oleh Noor Hidayah Tanzizi  
bhnews@bh.com.my

Lebih 80 tahun lalu Tambun di Ipoh, Perak antara kawasan untuk aktiviti perlombongan bijih dengan kedatangan pelombong Cina.

Secara tidak langsung, kedatangan pelombong itu turut membawa identiti baharu kepada pekan kecil di bandar raya Ipoh apabila mereka turut menanam beberapa pokok limau bali di sekitar kawasan berkenaan.

Dek kerana keistimewaan buah itu dari segi rasa dan kesesuaian tanah di Tambun menjadikan ia banyak ditanam di pekan kecil itu sehingga kini.

Malah ia sinonim dengan Tambun dan dijadikan "buah tempatan".

Sehingga kini, Tambun menjadi pengeluar utama limau bali dan buahnya juga terkenal di seluruh pelosok tanah air dengan rasa dan kualiti yang lebih baik berbanding di tempat lain, sekali gus ia dikenali sebagai limau Tambun.

Justeru, tidak lengkap jika kunjungan anda ke Tambun atau Ipoh tanpa membeli limau Tambun sebagai buah tangan untuk dibawa pulang.

Malah, buah berkenaan juga menjadi antara tarikan di Ipoh yang menawarkan agropelancongan yang sering mendapat tumpuan terutama kepada mereka yang minat pertanian.

### Teroka ladang limau bali

Pemilik Gochin Tambun Pomelo Agro Farm, Tan Swee Kong, 54, berkata, ladangnya seluas lebih 1.2 hektar dengan 80 pokok limau bali menjadi tumpuan pelancong selepas ramai pelanggannya berminat dengan tanaman itu sejak 15 tahun lalu.

Beliau menampilkan konsep ladang dalam taman sambil berkongsi ilmu pertanian bersama pelancong yang datang ke ladangnya dan mereka juga boleh membeli buah terus serta menikmati di ladang.

"Melihat sambutan itu kita mengambil keputusan untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan di ladang

bagi membuka peluang kepada pelancong "meneroka" ladang limau bali termasuk memberi pendedahan kepada mengenai tanaman itu.

"Kita juga mendapat slot kunjungan pelancong dari 70 negara sejak mula membukanya kepada pelancong dan mereka suka melihat tanaman seperti ini, malah mereka mengakui limau bali di Tambun lebih sedap berbanding di negara mereka," katanya.

### Lebih 70 negara lawat ladang

Swee Kong berkata, lebih menarik ladangnya juga mempunyai lebih 30 pokok buah-buahan lain seperti manggis, durian, pelbagai jenis

jambu, pisang dan rambutan termasuk tanaman herba tetapi bukan untuk dijual sebaliknya untuk tarikan tambahan apabila melalui trek pejalan kaki. Katanya, Tambun memang terkenal dengan limau bali dan kawasan berkenaan diwartakan sebagai kawasan tanaman itu.

Antara faktor yang menjadikan buah itu sesuai ditanam di Tambun kerana kawasan itu dikelilingi gunung batu kapur yang mempunyai kalsium karbonat tinggi.

"Di ladang ini kita ada dua jenis limau bali iaitu jenis manis yang berwarna putih merah jambu, manakala satu lagi masam manis dan isinya berwarna merah.

"Tidak dinafikan jenis buah manis lebih mendapat permintaan tetapi sejak kebelakangan ini jenis masam manis



Swee Kong, di gerai limau bali keluaran ladangnya di hadapan Gochin Tambun Pomelo Agro Farm, Tambun di Ipoh.

(Foto Sharul Hafiz/BH)

juga sudah mula digemari.

"Jenis ini kalau dibiarkan lama di pokok akan lebih masak dan lebih sedap. Buah jenis ini juga lebih banyak khasiat.

"Istimewanya, limau Tambun adalah kerana isinya lebih lembut dan mengandungi lebih air.

"Ia juga sesuai untuk individu yang mempunyai penyakit kencing manis," katanya yang juga generasi kedua ladang itu dengan dibantu isteri dan anak.

### COVID-19 jejakkan kunjungan pelancong

Limau bali memerlukan masa enam bulan untuk pengeluaran hasil dan menggunakan kaedah pruning (pemangkasan) untuk mendapatkan hasil yang lebih banyak terutama pada bulan tertentu.

"Ladangnya mampu mengeluarkan hasil anggaran biasa untuk 80 pokok mencecah 15 tan dengan Januari dan September mendapat permintaan

tinggi terutama pada Tahun Baru Cina.

"Harga jualan mengikut saiz buah dan biasanya kita jual sebiji antara RM15 hingga RM18. Buah ini perlu matang dan cukup masak, isinya akan lebih sedap dan bejuss tetapi kalau terlebih masak pula isinya kering dan keras," katanya.

Beliau berkata, pandemik COVID-19 menjejaskan aktiviti dan jualan limau bali juga merosot dan ada yang menanggung kerugian, malah dia juga sudah tidak menerima kehadiran pelancong.


Menurutnya, beliau dibantu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) yang mengambil sebahagian hasil tuaiannya untuk pasaran agensi itu, selain menyumbangkan limau bali kepada pihak berkaitan.



Tan Swee Kong



Pekerja Gochin Tambun Pomelo Agro Farm, Tambun di Ipoh melakukan pemangkasan pada pokok limau bali.



26 SEP, 2021

## Pelombong Cina popularkan limau Tambun

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Konsep ladang dalam taman jadi produk agropelancongan, berkongsi ilmu pertanian bersama pelawat

Lebih 80 tahun lalu Tambun di Ipoh, Perak antara kawasan untuk aktiviti perlombongan bijih dengan kedatangan pelombong Cina. Secara tidak langsung, kedatangan pelombong itu turut membawa identiti baharu kepada pekan kecil di bandar raya Ipoh apabila mereka turut menanam beberapa pokok limau bali di sekitar kawasan berkenaan.